

Jurnal Pengguna Malaysia Malaysian Journal of Consumer



Jilid 18

Jun 2012

ISSN 1511 - 998x

Tahap Pengetahuan Penggunaan Lestari Dalam
Kalangan Remaja Di Selangor

Naimah Mohd Salleh
Nurizan Yahaya
Mumtazah Othman
Siti Balkis Bari
Nurul Fardini Zakaria

Factors Affecting Consumer Complaint
Behaviour

Azmi Mat
Aini Mat Said

Sustainable Housing Practices Towards
Consumers' Well Being

Zuroni Md Jusoh
Elistina Abu Bakar
Husniyah Abd Rahim
Askiah Jamaluddin
Roziyah Mohd Rasdi
Norzalika Md Zaini

Comparison of Adoption of Energy Efficient
Household Appliances Between Malaysian and
Japanese Consumers

Daisaku Morinaga
Aini Mat Said

Permintaan Terhadap Alat Ganti Kereta
Tempatan dan Implikasi Terhadap Peluang
Perniagaan Alat Ganti Kereta

Doris Padmini Selvaratnam
Norlaila Abu Bakar
Mastura Nongman

A Review of Luxury Consumption on Fashion
Products

Nur Liana Kori
Aini Mat Said

Pengambilan Daging Ayam Alternatif Oleh
Pelajar Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
(PPPJJ), Universiti Sains Malaysia

Jamilah Ismail
Norsuhana Abdul Hamid
Marina Abd Manaf

Aktiviti masa lapang Dalam Kalangan Remaja

Siti Balkis Bari
Naimah Mohd Salleh

Jurnal Pengguna Malaysia

Jilid 18, Jun 2012

Jurnal
Pengguna Malaysia





PENYUMBANG ARTIKEL

Tahap Pengetahuan Penggunaan Lestari Dalam Kalangan Remaja Di Selangor <i>Naimah Mohd Salleh, Nurizan Yahaya, Mumtazah Othman, Siti Balkis Bari dan Nurul Fardini Zakaria</i>	1
Factors Affecting Consumer Complaint Behaviour <i>Azmi Mat dan Aini Mat Said</i>	16
Sustainable Housing Practices Towards Consumers' Well Being <i>Zuroni Md Jusoh, Elistina Abu Bakar, Husniyah Abd Rahim, Askiah Jamaluddin, Roziah Mohd Rasdi dan Norzalika Md Zaini</i>	38
Comparison of Adoption of Energy Efficient Household Appliances Between Malaysian and Japanese Consumers <i>Daisaku Moringga dan Aini Mat Said</i>	50
Permintaan Terhadap Alat Ganti Kereta Tempatan dan Implikasi Terhadap Peluang Perniagaan Alat Ganti Kereta <i>Doris Padmini Selvaratnam, Norlaila Abu Bakar dan Mastura Nongman</i>	68
A Review of Luxury Consumption on Fashion Products <i>Nur Liana Kori dan Aini Mat Said</i>	88
Pengambilan Daging Ayam Alternatif Oleh Pelajar Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia <i>Jamilah Ismail, Norsuhana Abdul Hamid dan Marina Abd Manaf</i>	108
Aktiviti masa lapang Dalam Kalangan Remaja <i>Siti Balkis Bari dan Naimah Mohd Salleh</i>	131

TAHAP PENGETAHUAN PENGGUNAAN LESTARI DALAM KALANGAN REMAJA DI SELANGOR

Naimah Mohd Salleh, Nurizan Yahaya, Mumtazah Othman
Siti Balkis Bari dan Nurul Fardini
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Penggunaan pengguna pada hari ini mempunyai kaitan langsung dengan kesejahteraan alam sekitar pada masa akan datang. Penggunaan yang berhemah akan menyelamatkan bumi dan sumber bumi daripada lenyap akibat penggunaan sumber yang tidak terkawal. Penggunaan lestari bermaksud penggunaan barangan dan perkhidmatan bagi mencapai hidup yang berkualiti, namun pada masa yang sama meminimumkan penggunaan sumber asli, pelepasan sisa toksik ke udara dan tidak merosakkan alam sekitar untuk generasi akan datang (Magrabi, Chung, Cha & Yang, 1991). Dasar Pengguna Negara terhadap penggunaan lestari ialah meningkatkan usaha ke arah amalan penggunaan lestari dalam kalangan peruncit, pembekal dan pengilang bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pengguna dalam era globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

Krisis ekonomi, pemanasan global, penipisan ozon, kebuluran, kekurangan tenaga dan tsunami yang berlaku pada hari ini adalah antara kesan daripada penggunaan yang tidak lestari (Princen, 2010). Manusia merupakan makhluk yang dipertanggungjawabkan dalam kemusnahan alam dan penyusutan sumber alam (Gardner & Stern, 2002). Perkara-perkara ini boleh dielakkan sekiranya pengguna, khususnya remaja memahami konsep penggunaan lestari. Hal ini kerana golongan ini merupakan generasi pewaris yang akan mengambil alih tampuk pemerintahan daripada pemerintah sekarang. Oleh itu, pengetahuan lestari yang ada pada sebuah pemerintahan akan diterjemahkan kepada pembangunan yang mapan dan seimbang dalam segala aspek. Pengetahuan lestari dikaitkan dengan gaya hidup atau amalan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian. Pengetahuan lestari yang ada pada seseorang individu akan menggalakkan individu tersebut mengamalkan gaya hidup lestari (Kagawa, 2007). Konsep gaya hidup lestari melibatkan amalan penggunaan lestari yang menfokuskan kepada kesedaran dan sikap

terhadap penggunaan lestari. Penggunaan beretika, kepenggunaan, perubahan gaya hidup, pelaksanaan pelabelan mesra alam dan pendidikan pengguna tentang kesan penggunaan terhadap persekitaran boleh mengubah tingkah laku pengguna ke arah pengguna yang efisien (Douglas & Graig, 1997). Pendidikan pengguna perlu bagi melahirkan sikap dan kesedaran kepada penggunaan lestari. Pendidikan pengguna berperanan sebagai satu alat untuk melahirkan pengguna yang bijak dan bersikap rasional dalam menggunakan barangan dan perkhidmatan seharian.

Gaya hidup penggunaan lestari ini mudah dipraktikkan sekiranya golongan pengguna khususnya remaja mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang penggunaan lestari. Selain itu, kesedaran berkenaan penjagaan alam sekitar hari ini akan menjamin kesejahteraan hidup untuk generasi akan datang dan menggalakkan golongan remaja mengamalkan gaya hidup yang lestari dalam kehidupannya. Antara ciri gaya hidup penggunaan lestari ialah berbelanja secara berhemah, penjimatan penggunaan sumber yang tidak boleh diperbaharu seperti air, tenaga dan bahan bakar fosil, menggunakan bahan-bahan yang tidak memberi kesan negatif kepada persekitaran seperti merokok, dan menggunakan teknologi yang bersih dan mesra alam.

Pengetahuan penggunaan lestari dan gaya hidup remaja masa kini adalah saling berkaitan. Remaja hari ini lebih gemar menjalankan gaya hidup moden di bandar besar seperti di Kuala Lumpur dan Johor Bahru berbanding dengan hidup secara tradisional di kampung. Kewujudan facebook pada abad ini menyebabkan golongan remaja mempraktikkan makna sebenar dunia tanpa sempadan dalam kehidupan sehariannya. Secara tidak langsung, penggunaan tenaga elektrik untuk sektor perumahan dalam kalangan golongan ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan golongan umur yang lain (Hanssen, 2005). Selain itu, kehidupan suka berhibur dalam kalangan remaja menimbulkan aktiviti yang tidak sihat seperti merokok, berlumba haram, minum minuman keras dan melepak di kelab-kelab malam. Aktiviti ini boleh menjurus ke arah gaya hidup penggunaan yang tidak lestari dalam kalangan remaja (Fien, Neil & Bentley, 2008).

Remaja juga terkenal dengan sikap suka berbelanja. Tambahan, remaja ialah golongan pengguna yang mempunyai sifat pembelian secara gerak hati (*impulsive buying*) (Makela & Peters, 2004). Oleh yang demikian, penekanan terhadap penggunaan lestari perlu difokuskan kepada remaja kerana golongan inilah yang akan menjadi pewaris dan penyambung kepada penjagaan alam sekitar pada masa akan datang. Golongan ini perlu dididik ke arah penggunaan lestari agar kesejahteraan kehidupan dan alam sekitar pada masa hadapan dapat dikekalkan.

Remaja perlu sedar bahawa bencana alam seperti tanah runtuh yang berlaku di Bukit Antarabangsa pada awal tahun 2009 merupakan kesan penggunaan yang tidak lestari. Ketidakperihatinan kepada penggunaan lestari menyebabkan manusia menjadi tamak akan harta yang akhirnya membawa kemusnahan kepada alam sekitar dan manusia itu sendiri. Kemungkinan besar, salah satu faktor terjadinya kejadian tsunami di Jepun pada tahun 2011, merupakan kesan hasil kerja tangan manusia yang tidak mengindahkan penggunaan lestari (Crespellani, Madiati & Vannucchi, 1998). Oleh itu, bagi menjamin kejadian bencana yang begitu dahsyat tidak berulang kembali, penekanan nilai-nilai murni dari segi gaya hidup penggunaan lestari seperti amalan berjimat cermat, menyimpan, bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat dan alam sekeliling perlu diterapkan dalam minda, jiwa dan sanubari remaja.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mendedahkan remaja kepada penggunaan lestari. Remaja di bandar dipilih dalam kajian ini kerana golongan ini mudah terdedah dengan peralatan moden dan berteknologi tinggi. Selain itu, mereka juga mempunyai kuasa beli yang tinggi berbanding dengan remaja di luar bandar. Tambahan, persekitaran tempat tinggal yang kurang tanah dan tiada haiwan ternakan seperti ayam dan itik menyebabkan remaja bandar kurang terdedah dengan penggunaan lestari. Pengharapan yang tinggi diberikan kepada remaja dalam proses pembangunan negara dan tahap pengetahuan penggunaan lestari mereka digambarkan melalui gaya hidup yang dipraktikkan. Pengetahuan penggunaan lestari yang tinggi dalam kalangan generasi akan datang berupaya memacu ke arah pembangunan negara yang pesat dengan penggunaan sumber alam yang lestari.

Objektif kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan lestari dalam kalangan remaja di Selangor.

Tinjauan literatur

Penggunaan lestari

Penggunaan lestari bermaksud menggunakan sesuatu barangan atau perkhidmatan tanpa merosakkan alam sekitar dan masyarakat (United Nation Decade, 2005-2014). Penggunaan lestari juga mempunyai hubungan dengan penggunaan sumber alam semula jadi dalam pengeluaran dan pelupusan semasa menggunakan produk dan perkhidmatan (Jackson, 2004). Hal ini bermakna pengeluar boleh mempengaruhi penggunaan melalui reka bentuk produk dan pemasaran kerana ia akan memberikan pilihan kepada pengguna.

Penggunaan lestari mempunyai kaitan dengan pengurangan kemiskinan dalam kalangan penduduk di Malaysia, peningkatan ekonomi negara, peningkatan kesihatan penduduk dan pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu, empat prinsip gaya hidup penggunaan lestari iaitu berdasarkan pemilihan, mengurangkan, memaksimumkan dan pengasingan bahan buangan perlu diamalkan dalam penggunaan bagi mendapatkan hidup yang berkualiti pada masa kini dan akan datang (Janikowski, 2000).

Mengubah pola penggunaan pengguna, khususnya remaja daripada penggunaan tidak lestari kepada penggunaan lestari memerlukan sokongan banyak pihak. Walau bagaimanapun, perubahan pola penggunaan yang berlaku kepada individu, isi rumah dan komuniti tidak mencukupi untuk mencapai penggunaan lestari sekiranya tiada tindakan dan sokongan daripada kerajaan. Sokongan kerajaan dari segi penyediaan polisi alam sekitar serta kod-kod alam sekitar yang wajib dipatuhi perlu bagi mencapai matlamat ini (Fien *et al.*, 2008).

Kerajaan Selangor menyokong amalan penggunaan lestari dengan mengadakan Program Hari Tanpa Beg Plastik yang diadakan pada setiap hari Sabtu. Program ini dapat mengurangkan penggunaan beg plastik dan menggalakkan penggunaan beg yang boleh dikitar semula dan mesra alam. Autio dan Heinonen (2004) berpendapat bahawa, aktiviti kitar semula, menggunakan produk mesra alam dan menguruskan pembuangan sisa dengan mengasingkan bahan dan penggunaan yang terhad merupakan pengamalan penggunaan barangan yang mesra alam. Selain itu, program Hari Bumi (*Earth Hour*) yang dilancarkan di Malaysia yang bermula pada Mac 2009 dan diteruskan sehingga sekarang sekurang-kurangnya mampu mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan bahan bakar fosil yang semakin hari semakin susut. Program ini mendapat sambutan daripada warga kota dan desa. Walau bagaimanapun, pengamalan penggunaan lestari tidak hanya diterjemahkan kepada kelakuan penggunaan kelestarian yang dianjurkan, malahan, ia lebih kepada sikap dan tabiat seharian seseorang itu dalam mengamalkan penggunaan yang lestari (Thogersen, 2001). Oleh yang demikian, tanggungjawab dan perhatian pengguna, khususnya remaja terhadap penggunaan lestari penting bagi membentuk suasana persekitaran yang baik dan lestari.

Remaja dan penggunaan lestari

Remaja merupakan golongan yang mengalami tempoh transisi antara zaman kanak-kanak dan zaman dewasa. Secara umumnya, golongan remaja merujuk kepada individu yang berumur antara 15 tahun hingga 25 tahun. Remaja dikenali sebagai golongan yang suka mengamalkan hidup yang popular dan moden (Fien *et al.*, 2008). Pada masa ini golongan remaja suka akan hiburan.

Golongan ini juga lebih gemar memilih duduk di hadapan komputer berjam-jam sebagai hobi berbanding dengan melibatkan diri dalam aktiviti lain seperti bercucuk tanam. Setiap minggu, remaja Australia menghabiskan masa mereka selama enam jam menonton iklan perdagangan di televisyen (Information Australia, 2001). Remaja di Hong Kong pula mengambil masa selama satu hingga dua jam menonton televisyen dalam masa satu hari (Kerajaan Hong Kong, 2002). Golongan remaja perlu diberi penekanan terhadap penggunaan lestari. Hal ini kerana remaja merupakan golongan yang berpotensi memberi kesan kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di pasaran. Giges's (1991), mendapati bahawa pengetahuan dan tabiat penggunaan golongan yang berumur 14 hingga 34 tahun di dunia, terutama penggunaan minuman ringan, minuman keras dan kasut adalah pada tahap yang sama. Golongan ini juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap penggunaan dan perbelanjaan isi rumah. Oleh itu, golongan ini perlu dididik ke arah penggunaan yang lestari bagi melahirkan pengguna yang bijak pada masa hadapan dan seterusnya menjadi pewaris kepimpinan pada masa akan datang.

Tahap pengetahuan penggunaan lestari yang berbeza dalam kalangan jantina akan mempengaruhi pola penggunaan golongan tersebut (Fien *et al.*, 2008). Penggunaan lestari adalah berbeza antara remaja lelaki dan remaja perempuan. Didapati remaja perempuan lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan lebih gemar terlibat dengan aktiviti-aktiviti untuk menjaga alam sekitar berbanding dengan remaja lelaki (Diamantopoulos, Schlegelmich, Sinkorics & Bohlen, 2003). Kajian lepas juga mendapati terdapat perbezaan antara sikap remaja lelaki dengan perempuan terhadap tanggungjawab menjaga alam sekitar. Didapati remaja lelaki mempunyai sikap yang negatif terhadap alam sekitar berbanding dengan remaja perempuan (Tikka *et al.*, 2000). Remaja perempuan juga menunjukkan perhatian yang lebih kepada alam sekitar dengan membeli produk hijau kerana mereka percaya bahawa produk tersebut lebih baik untuk persekitaran (Benton, 1994). Namun begitu, terdapat juga kajian lain yang dijalankan di Malaysia mendapati tiada perbezaan dalam penggunaan lestari antara remaja lelaki dan remaja perempuan (Tan & Lau, 2009; Aini, Nurizan & Fakhru'l-Razi, 2007). Namun begitu, penemuan hasil kajian di Malaysia ini masih tidak boleh menggambarkan situasi sebenar tahap penggunaan lestari antara jantina di kawasan ini (Tan & Lau, 2009). Kajian yang selanjutnya perlu dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang tepat berkenaan dengan penggunaan lestari dalam kalangan jantina di Malaysia.

Metodologi

Kajian dijalankan dalam kalangan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rahman Putra, Sungai Buluh, SMK Bukit Sentosa, SMK Jeram,

Kuala Selangor, SMK Rantau Panjang dan SMK Rawang yang terletak di negeri Selangor. Lokasi dan persampelan kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Lokasi Persampelan

Sekolah	Bil.Responden
SMK Bukit Rahman Putra, Sungai Buluh	105
SMK Bukit Sentosa	243
SMK Jeram Kuala Selangor	115
SMK Rantau Panjang	121
SMK Rawang	131

Sampel kajian terdiri daripada pelajar tingkatan dua, tiga, empat dan lima yang dipilih secara rawak mudah berlapis. Pelajar terlibat mewakili kelas aliran sains tulen, sains tulen agama, sastera, teknik dan vokasional, agama dan perakaunan.

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik ini terdiri daripada latar belakang responden dan keluarga serta pengetahuan yang berkaitan dengan penggunaan lestari. Terdapat 20 pernyataan pengetahuan penggunaan lestari yang perlu dijawab sama ada “Ya” atau “Tidak” oleh responden. Maklumat dikumpul secara mengedarkan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Pengumpulan data dilakukan pada awal tahun 2009 dan telah dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Hasil kajian dibentangkan secara deskriptif.

Pembahagian tahap (tinggi, sederhana dan rendah)

Tahap tinggi, sederhana dan rendah diperoleh dengan mendapat jumlah keseluruhan markah bagi jawapan kepada soalan berkenaan pengetahuan yang ditanya kepada responden kajian. Terdapat 20 soalan yang ditanya dan diberi kod 1= ya dan 0= tidak. Hal ini bermakna jumlah markah ialah 20 dan dibahagi kepada tiga bahagian. Oleh yang demikian, nilai yang diberi untuk tahap rendah ialah kurang atau sama dengan 6, tahap sederhana 7 hingga 12 dan tahap tinggi ialah 13 hingga 20.

Hasil kajian

Seramai 715 orang pelajar sekolah menengah di Selangor terlibat dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan pelajar yang berumur 14 hingga 17 tahun

telah terlibat dalam kajian ini. Kebanyakan (96.9%) pelajar yang terlibat dalam kajian ini berumur 16 tahun.

Jadual 2: Maklumat Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	N	Peratus (%)
Umur (Tahun)		
14	1	0.1
15	3	0.4
16	688	96.9
17	18	2.5
Jantina		
Lelaki	281	39.5
Perempuan	431	60.5
Susunan dalam adik-beradik		
Tunggal	30	4.2
Sulung	232	32.9
Tengah	309	43.8
Bongsu	135	19.1
Bilangan Individu yang tinggal secara tetap di rumah (orang)		
1-3	48	6.8
4-6	434	61.9
7 dan ke atas	219	31.2
Jenis Aliran Sekolah		
Sains Tulen	263	40.5
Sains Tulen Agama	7	1.1
Sastera	161	24.8
Teknik dan Vokasional	197	30.3
Agama	20	3.1
Perakaunan	2	0.3
Terlibat dalam aktiviti kokurikulum		
Tidak	131	18.6
Ya	575	81.4

Hal ini berlaku disebabkan kerana pelajar tingkatan empat tidak menduduki peperiksaan besar pada tahun tersebut. Oleh itu, mereka mudah memberi kerjasama dan ia tidak mengganggu masa belajar. Daripada segi jantina, pelajar perempuan (60.5%) lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki (39.52%). Kebanyakan (43.8%) responden merupakan anak tengah dalam keluarga. Seramai 61.9% responden mempunyai bilangan isi rumah di antara 4 hingga 6 orang. Terdapat 40.5% responden merupakan pelajar daripada aliran sains tulen. Sebanyak 81.4% responden terlibat dalam aktiviti kokurikulum.

Pengetahuan terhadap penggunaan lestari

Jadual 3 menunjukkan pengetahuan terhadap penggunaan lestari dalam kalangan responden. Hasil kajian mendapati majoriti responden mempunyai pengetahuan yang baik terhadap semua pernyataan kecuali hanya bagi beberapa pernyataan. Bagi pernyataan “Semua jenis sabun adalah selamat dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar” didapati 64.6% responden lelaki dan 75.6% responden perempuan menjawab betul bagi pernyataan ini. Namun, terdapat 35.4% responden lelaki dan 24.4% responden perempuan memberikan jawapan yang salah bagi pernyataan ini. Dapatan ini menunjukkan 1/3 responden lelaki dan 1/4 responden perempuan tidak mempunyai pengetahuan tentang bahaya penggunaan sabun kepada alam sekitar. Hal ini kerana, tidak semua sabun yang berada di pasaran bersifat mesra alam. Secara umumnya, kesan negatif terhadap alam sekitar akan ditinggalkan oleh bahan kimia yang digunakan semasa proses pembuatan sabun.

Bagi pernyataan “Pernahkah anda mendengar istilah penggunaan lestari”, didapati 51.4% responden lelaki dan 47.3% responden perempuan tidak pernah mendengar istilah ini. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan 1/2 responden kajian tidak terdedah dengan istilah ini yang memungkinkan mereka tidak mengambil berat tentang alam sekitar. Walaupun banyak iklan yang berkaitan penggunaan lestari ini diwarwarkan di media massa dan cetak, ia dilihat seakan-akan tidak berjaya kerana didapati masih ramai lagi responden yang tidak pernah mendengar istilah penggunaan lestari. Didapati responden lelaki yang tidak pernah mendengar istilah ini lebih ramai berbanding dengan mereka yang mengetahuinya. Hal ini menunjukkan, remaja hari ini gemar berhibur dan menonton iklan-iklan produk untuk penampilan diri mereka sahaja berbanding dengan menonton iklan-iklan yang berbentuk ilmiah (*World Youth Report*, 2003).

Hampir kesemua responden lelaki dan perempuan menjawab kebanyakan pernyataan yang ditanya dengan betul ($\geq 89\%$). Antara pernyataan tersebut ialah “Perubahan cuaca dunia adalah disebabkan pemanasan global”,

“Penebangan pokok boleh menyebabkan hakisan tanah”, “Menggunakan tenaga elektrik dengan cermat mampu menjimatkan penggunaan tenaga”, “Pembukaan tanah tanpa kawalan boleh mengganggu habitat haiwan di hutan” dan “Pembakaran hutan menyumbang kepada pemanasan global”. Hasil dapatan kajian ini, seiring dengan hasil kajian lepas yang mendapati hampir semua responden memberi jawapan betul bagi pernyataan-pernyataan ini (Mumtazah, Nurizan & Naimah, 2009). Hasil kajian ini menunjukkan responden memahami bahawa aktiviti manusia, seperti pembalakan dan penebangan hutan boleh menyumbang kepada kemusnahan alam sekitar dan mengubah cuaca dunia. Sementara, langkah penjimatan penggunaan tenaga elektrik pula dapat membantu mengurangkan penggunaan sumber alam. Selain penjimatan, aktiviti seperti kitar semula dan menggunakan air hujan untuk aktiviti seharian, seperti mencuci dan mandi dapat memupuk sifat sayangkan alam sekitar dan membentuk sikap ke arah penggunaan lestari. Oleh itu, pengetahuan penggunaan lestari tidak hanya diterjemahkan kepada kelakuan penggunaan kelestarian yang dianjurkan, malahan, ia lebih kepada sikap dan tabiat seharian seseorang itu dalam mengamalkan penggunaan yang lestari (Thogersen, 2001).


Selain itu, terdapat perbezaan pengetahuan lestari antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan berdasarkan penelitian ke atas nilai peratus yang diperoleh. Terdapat perbezaan nilai peratus yang agak banyak antara responden lelaki dan perempuan bagi soalan “Penggunaan lestari ialah penggunaan barangan dan perkhidmatan secara minimum untuk mencapai kesejahteraan hidup tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang”. Didapati responden perempuan lebih berpengetahuan berbanding dengan responden lelaki bagi soalan ini. Terdapat 85.3% responden perempuan menjawab betul iaitu “ya” manakala terdapat 73.3% responden lelaki menjawab betul atau “ya” bagi soalan ini. Dapatan kajian ini disokong dengan pernyataan Diamantopoulos *et al.*, (2003), yang mendapati remaja perempuan lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan lebih gemar terlibat dengan aktiviti-aktiviti untuk menjaga alam sekitar berbanding dengan remaja lelaki (Diamantopoulos *et al.*, 2003). Namun begitu, bagi soalan “Biasanya plastik mudah reput” didapati nilai peratus responden lelaki menjawab betul bagi soalan ini melebihi responden perempuan. Nilai yang dicatatkan ialah 76.5% bagi responden lelaki, manakala 72.5% bagi responden perempuan. Bagi soalan “Tumpuan penggunaan lestari adalah untuk mengurangkan kemusnahan alam semulajadi oleh manusia” didapati responden lelaki kurang berpengetahuan untuk menjawab soalan ini berbanding dengan responden perempuan jika diteliti melalui nilai peratus responden lelaki yang menjawab soalan ini dengan betul. Penelitian ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan bahawa remaja lelaki lebih bersikap negatif terhadap alam sekitar berbanding dengan remaja perempuan (Tikka *et al.*, 2000).

Jadual 3: Pengetahuan terhadap Penggunaan Lestari

Pernyataan	Ya				Tidak			
	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	N	%	N	%	N	%	N	%
1. Penggunaan lestari ialah penggunaan barangan dan perkhidmatan secara minimum untuk mencapai kesejahteraan hidup tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang.	187	73.3	337	85.3	68	26.7	58	14.7
2. Perubahan cuaca dunia adalah disebabkan oleh pemanasan global.	247	90.8	378	90.9	25	9.2	38	9.1
3. Penipisan lapisan ozon tidak merbahaya kerana bumi ini dipelithara oleh lapisan- lapisan atmosfera yang lain.	40	14.9	41	9.9	229	85.1	372	90.1
4. Biasanya plastik mudah reput.	64	23.5	114	27.5	208	76.5	301	72.5
5. Karbon monoksida dihasilkan oleh asap kenderaan.	235	87.0	348	86.1	35	13.0	56	13.9
6. Racun dan bahan toksik yang meresap ke dalam tanah boleh memberi kesan terhadap tumbuhan dan haiwan.	241	88.6	388	93.9	31	11.4	25	6.1
7. Menggunakan sapu tangan lebih baik daripada menggunakan kertas tisu.	191	70.5	324	77.9	80	29.5	92	22.1
8. Semua jenis sabun adalah selamat dan tidak mendatangkan kemudaratan kepada alam sekitar.	96	35.4	100	24.4	175	64.6	309	75.6
9. Penggunaan lestari menekankan amalan mengurangkan, mengguna semula, mengitar semula, bertangjawab dan bertindak.	214	81.1	378	92.6	50	18.9	30	7.4
10. Penebangan pokok boleh menyebabkan hakisan tanah berlaku.	246	90.4	391	94.2	26	9.6	24	5.8

Jadual 3 (Sambungan)

Pernyataan	Ya				Tidak			
	Lelaki		Perempuan		Lelaki		Perempuan	
	N	%	N	%	N	%	N	%
11. Tumpuan penggunaan lestari adalah untuk mengurangkan kerosakan alam semula jadi oleh manusia.	201	76.4	355	87.2	62	23.6	52	12.8
12. Menggunakan tadahan air hujan untuk membasuh kereta dan menyiram pokok bunga dapat mengurangkan penggunaan air paip di rumah.	236	87.4	377	90.8	34	12.6	38	9.2
13. Saki baki makanan dan air basuhan beras dapat diguna semula untuk dijadikan baja kompos untuk tanaman seperti sayur dan pokok bunga.	198	73.1	321	77.7	73	26.9	92	22.3
14. Amalan untuk mengasingkan bahan-bahan buangan mengikut 3 kumpulan (kertas, plastik, kaca) ialah amalan penggunaan lestari	233	86.9	388	94.6	35	13.1	22	5.4
15. Menggunakan tenaga elektrik dengan cermat mampu menjimatkan penggunaan tenaga tersebut.	242	90.0	397	95.9	27	10.0	17	4.1
16. Mengitar semula kertas dapat mengurangkan penebangan pokok.	240	88.2	378	91.7	32	11.8	34	8.3
17. Pembukaan tanah tanpa kawalan boleh mengganggu habitat haiwan di hutan.	244	89.7	388	93.9	28	10.3	25	6.1
18. Pembakaran hutan menyumbang kepada pemanasan global.	241	88.9	387	93.5	30	11.1	27	6.5
19. Pemanasan global tidak akan menjejaskan Malaysia kerana terletak di kawasan tropika.	38	14.0	40	9.7	233	86.0	373	90.3
20. Pernahkah anda mendengar istilah penggunaan lestari?	118	48.6	207	52.7	125	51.4	186	47.3



Rajah 1 : Tahap Pengetahuan terhadap Penggunaan Lestari Mengikut Jantina

Tahap pengetahuan tentang penggunaan lestari mengikut jantina

Pengetahuan responden berkenaan penggunaan lestari telah dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Berdasarkan Rajah 1, didapati remaja perempuan memiliki pengetahuan (86.7%) yang lebih tinggi berbanding dengan remaja lelaki. Namun begitu, hanya 2.2% remaja lelaki yang memiliki tahap pengetahuan yang rendah terhadap penggunaan lestari berbanding dengan remaja perempuan iaitu 4.7%.

Kesimpulan

Secara umumnya, hasil kajian mendapati responden mempunyai tahap keperihatinan kepada alam sekitar dan perlakuan penggunaan lestari yang tinggi. Didapati responden peka terhadap isu-isu pemanasan global, penipisan lapisan ozon, pemusnahan hutan dan mengetahui hak dan peranan mereka dalam menjaga alam sekitar.

Hasil kajian memberi gambaran, walaupun banyak iklan dan kempen serta usaha kerajaan dalam mengamalkan penggunaan lestari, namun masih lagi ada remaja yang tidak mengambil perhatian terhadap perkara ini. Oleh itu,

penekanan tentang penggunaan lestari perlu difokuskan kepada remaja sekolah menengah agar mereka tidak ketinggalan dalam mengamalkan kehidupan yang lestari. Aktiviti-aktiviti yang menekankan aspek penggunaan lestari perlu dijalankan di sekolah dan penglibatan pelajar secara sepenuhnya perlu digalakkan. Pengamalan penggunaan lestari di sekolah menengah merupakan usaha awal dan bersesuaian dengan saranan Kementerian Belia dan Sukan, iaitu remaja merupakan belia yang akan menjadi tonggak kepada negara. Remaja perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni dalam memelihara dan memulihara alam sekitar sejak dibangku sekolah lagi. Dengan ini apabila remaja ini menamatkan alam persekolahan dan berada di dunia sebenar, mereka akan membawanya kepada masyarakat umum dengan membudayakan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian.

Penekanan kepada budaya penggunaan lestari dalam kalangan remaja penting kerana golongan ini akan membesar menjadi pengguna dewasa yang bertanggungjawab mempengaruhi orang lain dalam mengamalkan penggunaan lestari. Di samping itu, golongan ini juga akan menjadi pewaris kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, pengamalan penggunaan dan nilai murni perlu dibentuk terlebih dahulu sebelum langkah saintifik dan pengurusan kawalan alam sekitar menyubur dalam minda dan jiwa golongan ini. Sekiranya remaja memahami kesan pengamalan penggunaan yang lestari, secara outomatiknya segala saranan dan aktiviti berkenaan penggunaan lestari yang dianjurkan oleh kerajaan dan agensi-agensi lain akan berjaya menyubur dalam hati dan minda remaja.

Rujukan

Aini, M.S., Nurizan, Y, & Fakhru'l-Razi, A. (2007). Enviromental comprehension and participation of Malaysian secondary school student. *Enviromental Education Research*,13,17-31.

Autio, M. & Heinine, V. (2004). To consume or not consume? Young people's environmentalism in the affluent finnish society. *Young Nordic Journal of Youth Research*.12, 137-153.

Benton, J. R. (1994). Enviromental knowledge and attitudes of undergraduate business studies compared to non-business students. *Business and Society*, 33, 191-211.

Crespellani, T., Madiai, C., & Vannucchi. G. (1998). Earthquake Destructiveness Potential Factor & Slope Stability. *Geotechnique*, 48 (3), 411-419.

Diamantopoulos, A., Schlegelmich, B.B., Sinkorics, R.R., & Bohlen, G.M. (2003). Can socio demographics still play a role in profiling green consumers? A review of evidence and an empirical investigation. *Journal of Business Research*, 56, 465-480.

Douglas, S.P. & Graig, C.S. (1997). The changing dynamic of consumer behavior: implications for cross-culturer research. *International Journal of Research in Marketing*, 14, 375-395. Dimuat turun dari <http://www.faqs.org/abstracts>.

Fien, J., Neil, C & Bentley, M. (2008). Youth can lead the way sustainable consumption. *Journal of Education For Sustainable Development*, 2(1), 51-60.

Fraj. E. & Martinez, E. (2006). Environmental values and lifestyle as determining factors of ecological consumer behaviour: an empirical analysis. *Journal of Consumer Marketing*, 23(3),133-144.

Gardner, G.T. & Stern, P.C. (2002). *Environmental Problem and Human Behavior* (2nd ed). Boston MA : Pearson Custom Publishing.

Giges, N. (1991). Global spending pattern emerge. *Advertising Age*, November 11.64.

Hanssen, K.G. (2005). Teenage consumption of information and communication technology. *Proceeding of The 2005 European Council For an Energy Efficient Economy*.

Hong Kong Government. (2002). *Youth Media Survey Result*. Hong Kong Government.

Information Australia. (2001). *Eye on Australia: 10 Years of Consumer Trends*. Melborne:Brown Prior Anderson.

Jackson, T. (2004). *Earthscan Reader in Sustainable Consumption*. London: Earthscan.

Janikowski, R. (2000). *Imperative of a Sustainable Consumer: Principles of a Sustainable Consumption*, in U.Pretterhofer (Ed). Strategies of a Sustainable Policy. Graz Austria: IFF/IFZ, 29-32.

Kagawa, F. (2007). Dissonance in students perceptions of sustainable development and sustainability implication for curriculum change. *International Journal of Sustainability in Higher Education*, 8(1), 317-338.

Magrabi, F.M., Chung, Y.S., Cha, S.S., & Yang, S-J. (1991). *The Economics of House-hold Consumption*. New York, : Praeger Publishers.

Makela, C.J. & Peters, S. (2004). Consumer education: creating consumer awareness among adolescent in Botswana. *International Journal on Consumer Studies*, 28, 379-387.

Mumtazah, O., Nurizan, Y., & Naimah, S. (2009). Pengetahuan, amalan dan gaya hidup penggunaan lestari dalam kalangan remaja. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 12, 40-54.

Princen, T. (2010). Speaking of Sustainability: the potential of metaphor. *Science, Practice & Policy*. 6(2). 60-65.

Tan, B. C. & Lau, T.C. (2009). Examining sustainable consumption patterns of young consumers: is there a cause for concern? *The Journal of International Social Research*, 2(9), 465-472.

Thogersen, J. (2001). Consumer values, behaviour and sustainable development. *Asia Pasific. Advances in Consumer Research*, 4, 207-209.

Tikka, P., Kuitunen, M & Tynys, S. (2000). Effect of educational background on students attitudes activity levels and knowledge concerning the enviroment. *Journal of Enviromental Education*, 31, 12-19.

UNESCO. (2009). *United Nation: Decade of Education For Sustainable Development 2005-2014*. Dimuat turun dari www.unesco.org/education/desd.

World Youth Report. (2003). *Rethinking Leisure Time :Expanding Opportunities for young People & Communities*, 213-244.